

**Untuk Siaran Segera**

## **Panasonic Memperkenalkan Generasi Baru Plasma 150 inci Terbesar di Dunia**

*Teknologi Revolusi Plasma dalam Skrin Ultra-Besar 150-inci*

**Petaling Jaya, 26 Mac 2009** - Panasonic, peneraju dalam industry dan teknologi HDTV telah membangunkan skrin 150 inci defiinisi tinggi *advanced* (HD) PDP yang terbesar di dunia.

Panasonic telah mengambil langkah yang besar dalam membina plasma terbesar ini. PDP 150 inci ini memberikan kualiti imej yang dinamik dan berkuasa dengan resolusi piksel sebanyak 8.84 juta (2,160 x 4,096) – empat kali lebih daripada spesifikasi 1080p HD (1,080 x 1920). Model asli atau prototaip ini mempunyai saiz skrin yang bersamaan sembilan PDP 50 inci dengan keluasan penglihatan 11 kaki (3.31 m) (Lebar) x 6 ¼ kaki (1.87 m) (Tinggi).

Dengan menggunakan peningkatan teknologi PDP yang telah dikumpul semasa pembangunan 103 inci, PDP 150 inci ini menyediakan imej yang stabil dan bersatu di atas skrin dan kecerahan yang sama seperti PDP 103 inci. Mempamerkan kapabiliti reproduksi warna sebenar atau *true-to-life* dan respon yang cepat terhadap imej yang bergerak. PDP Ultra-Besar ini memberikan imej terang ,nyata dan menakjubkan yang tiada tandingan.

PDP 103 inci telah diperkenalkan oleh industry ini untuk penggunaan komersial, kemudahan awam dan hiburan seisi keluarga. Plasma 150 inci ini pula dijangkakan untuk menambah permintaan dari industry yang berbeza.

Segala pembaharuan atau inovasi ini hanya dapat membuktikan sebahagian dari potensi Plasma. PDP merupakan teknologi yang masih baru yang telah bertapak selama 10 tahun semenjak kehadiran televisyen Plasma dalam pasaran. Bersama dengan pembangunan pasaran, televisyen Plasma telah diperbaiki dari segi kualiti,

meraih populariti dan telah menjadi peneraju dalam pasaran global untuk televisyen skrin besar dan berkualiti tinggi.

Dalam tempoh peningkatan PDP, model-model ini telah mendapat reputasi sebagai paparan yang dimantapkan dengan kontras yang tinggi, reproduksi warna, resolusi filem gambar dan sudut penglihatan yang lebar. Walaubagaimanapun, masih terdapat pembaharuan yang perlu dilakukan untuk mencapai tahap potensi PDP yang lebih tinggi.

Dalam masa akan datang, definisi tinggi akan menjadi perkara yang biasa atau *norm* dalam industry penyiaran dan rakaman video. Contohnya, pemain/perakam Cakera Blu-Ray. Perkembangan dalam teknologi *wireless* dan perisian, penumpuan dalam teknologi tersebut akan mengambil tempat antara teknologi komunikasi dan televisyen. Dengan peningkatan teknologi ini, permintaan untuk televisyen panel rata yang lebih besar dan berdefinisi tinggi akan bertambah. Pada masa yang sama, aplikasi perindustrian PDP akan diperluaskan dalam industry seperti perubatan, pendidikan dan bidang awam.

Panasonic akan terus meneroka teknologi baru untuk menaikkan araf televisyen Plasma dengan permintaan pengguna seluruh dunia. Dengan kenaikan tahap kualiti dalam produk yang dikeluarkan, syarikat ini akan terus mengeluarkan produk yang mesra alam. Panasonic telah menjadi syarikat pertama yang tidak menggunakan *lead* pada PDP. Televisyen Plasma ini juga mempunyai jangka panjang hayat sehingga 100,000 jam dan bahan semulajadi seperti gegandang serat buluh (bamboo fibre) telah digunakan dalam alat pembesar suara (speaker)

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut

berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

**Perhubungan Media:**

Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

###